

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 OGOS 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

OPR dijangka kekal setahun lagi

OPR dijangka kekal setahun lagi

PETALING JAYA – Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan status quo sepanjang tahun 2024 di tengah-tengah penurunan tekanan harga, menurut Kenanga Investment Bank Bhd.

Katanya dalam satu nota penyelidikan semalam, memandangkan trajektori menurun yang berterusan bagi kedua-dua inflasi utama dan inflasi teras, BNM dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tiga peratus dalam tempoh enam hingga 12 bulan akan datang.

"Walaupun bagaimanapun, melihat ke hadapan, kemungkinan perubahan harga makanan dan komoditi disebabkan ketidakpastian dasar kerajaan, risiko geopolitik dan cuaca boleh memberi kesan ketara kepada prospek inflasi.

"Oleh itu, berkemungkinan BNM akan terus menerima pakai pendekatan yang bergantung kepada data dalam proses membuat keputusannya," katanya.

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) BNM dalam mesyuarat



pada Julai lalu mengekalkan OPR pada tiga peratus.

Mesyuarat MPC BNM seterusnya dijadualkan pada 6 dan 7 September ini.

Sementara itu, Kenanga turut meramalkan kadar tukaran ringgit akhir tahun ini pada RM4.29 berbanding dolar Amerika (AS\$), meskipun kenaikan nilai ringgit baru-baru ini ke arah ambang 4.50/AS\$ bersifat jangka pendek dan kini ia berlegar dalam julat RM4.54 hingga RM4.57.

"Kami mengekalkan pendirian neutral hingga *bullish* (jangkauan menaik) bagi trajektori mata wang tempatan dalam tempoh tiga hingga enam bulan akan datang, disebabkan oleh prospek AS\$ yang lemah, berdasarkan jangkauan kami.

"Kami merasakan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat akan berubah kepada lebih *dovish* (cenderung ke arah pelonggaran dasar monetari) di tengah-tengah dinamik disinflasi yang berterusan dan potensi kelemahan pasaran buruh di Amerika Syarikat," ujarnya.

BNM dilihat akan terus menggunakan pendekatan berasaskan data dalam sebarang proses membuat keputusan berhubung OPR. – GAMBAR HIASAN